

**PELAKSANAAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU
AMBILAN SEMESTER 1 SESI 2020/2021
SECARA PANDU LALU**

Kepada semua pelajar baharu UPSI yang dikasihi,

Selamat datang dan tahniah diucapkan kerana anda telah berjaya melanjutkan pengajian ke universiti bersejarah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSU).

Seperti yang kita semua sedia maklum, keadaan Pandemik COVID-19 di Malaysia masih belum berakhir. UPSU sangat prihatin dan memandang serius terhadap kesejahteraan para pelajar dan ibu bapa yang terlibat dalam sesi pendaftaran pelajar baharu Ambilan Semester 1 Sesi 2020/2021 ini.

Sehubungan itu, dengan mengambil kira nasihat pihak Kerajaan terhadap langkah-langkah pencegahan penularan wabak ini, Taskforce COVID-19 UPSU telah memutuskan bahawa pendaftaran pelajar baharu Ambilan Semester 1 Sesi 2020/2021 akan dilaksanakan secara berikut:

Pelajar dari zon dilanda wabak

- **Pelajar tidak perlu hadir ke kampus.** Proses pendaftaran serta pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan secara dalam talian sehingga kawasan diisytiharkan 'zon hijau'. (Sila rujuk Pekeliling Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UPSU bertarikh 15 September, 2020).

Pelajar dari lain-lain zon

- Kaedah pendaftaran adalah secara **pandu lalu**.
- Kaedah ini dilaksanakan demi memelihara kesejahteraan dan kesihatan para pelajar, ibu bapa serta petugas yang terlibat sewaktu sesi pendaftaran yang akan berlangsung pada 28 hingga 30 September 2020 ini.
- Ibu bapa diminta menurunkan pelajar di kawasan yang dihaskan serta tidak menunggu di dalam kawasan kampus demi memastikan kesihatan dan kesejahteraan pelajar yang tercinta.
- Petugas UPSU akan memastikan segala urusan kebajikan pelajar diuruskan dengan baik dan sempurna.

Pihak UPSU mendoakan kesejahteraan perjalanan seluruh pelajar serta ibu bapa dan semoga kita semua dihindari dari wabak COVID-19 ini.

Sekian, terima kasih.

**Task Force COVID-19
Universiti Pendidikan Sultan Idris
25 September 2020**

#staysafe #kitajagakita